

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HMT 401 - Semantik Bahasa Malaysia

Tarikh: 15 September 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
( 3 Jam )

Jawab LIMA(5) soalan, SATU(1) daripada setiap Bahagian A, B, C, D, dan E.

**BAHAGIAN A**

1. Makna boleh dilihat daripada aspek denotasi dan konotasi. Jelaskan pengertian ini dengan contoh-contoh yang sesuai.
2. Bincangkan penggolongan ketujuh-tujuh jenis makna yang dibuat oleh Leech (1974) dan terapkan penggolongan ini kepada bahasa Malaysia.

**BAHAGIAN B**

3. Apakah yang dimaksudkan dengan fahaman mentalistik dan mekanistik di dalam pendekatan mengkaji makna. Bincangkan sifat-sifat setiap satu fahaman dengan contoh yang sesuai di dalam bahasa Malaysia.
4. Huraikan cubaan Ogden & Richards untuk menjelaskan makna melalui segi tiga semantik, dan apakah kekurangan pendekatan ini. Bincangkan juga ulasan sarjana lain mengenai hal ini.

**BAHAGIAN C**

5. Konsep medan makna (S. Ullmann, 1967) cuba menjelaskan makna dari segi jaringan hubungannya dengan perkataan-perkataan lain. Jelaskan konsep ini dengan mengambil contoh di dalam bahasa Malaysia.

.../2

6. Apakah kepentingan konteks di dalam kajian makna. Huraikan konsep konteks keadaan (J.R. Firth) sebagai kaedah menganalisis makna.
7. Perkataan juga boleh dilihat dari segi komponen. Huraikan konsep ini, dan bincangkan pendekatan Katz dan Fodor dalam mengkaji makna, dengan menggunakan konsep ciri makna dan ciri pembeza di dalam bacaan maknanya.

#### BAHAGIAN D

8. Makna sesebuah peribahasa selalunya tidak sama dengan makna sebenar (denotasi) perkataan-perkataan yang terkandung di dalamnya. Nyatakan kenapa ini berlaku dan bagaimana peribahasa terbentuk di dalam bahasa Malaysia, dan bincangkan jenis-jenis peribahasa di dalam bahasa Malaysia.
9. Salah satu daripada unsur yang banyak mengubah dan memberi kelainan dan neka kepada makna ialah ragam bahasa. Huraikan jenis ragam bahasa ini, dan berikan contoh pemakaian yang dapat menunjukkan kelainan dan neka kepada makna tersebut.

#### BAHAGIAN E

10. Mahathir adalah seorang politik yang pintar dan dia bijak memerintah  
  
Lim Kit Siang juga adalah seorang ahli politik yang pintar oleh itu Lim Kit Siang boleh jadi bijak memerintah  
  
Adakah kesimpulan ini wajar dibuat. Bincangkan.
11. Kosa kata boleh diajar dengan agak mudah berbanding dengan unsur-unsur nahu. Bincangkan andaian yang boleh menjelaskan keadaan ini, dan sertakan contoh-contoh yang sesuai.